

Headline	Segera tubuh Lembaga Umrah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	54	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	279 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shamsuddin Oli Mohamed	AdValue	RM 10,778
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,334



# Segera tubuh Lembaga Umrah

■ Elak jemaah terpedaya pakej murah

Oleh Shamsuddin Oli  
Mohamed  
am@hmetro.com.my

**K**eraajaan perlu mewujudkan satu badan khas dikenali Lembaga Umrah bagi membantu sekali gus memudahkan umat Islam di negara ini menuaikan umrah tanpa sebarang masalah membabitkan visa, penerbangan dan penginapan.

Pengarah Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Madya Dr Ismail Ishak berkata, ada laporan setiap tahun ramai umat Islam terpedaya dengan pakej umrah yang menjanjikan harga terendah, tetapi akhirnya menjadi mangsa mereka yang tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, sudah tiba masa Lembaga Umrah itu diwujudkan seperti Tabung Haji (TH) untuk memudahkan umat Islam yang mahu menuaikan umrah di Makkah membuat pendaftaran seperti menuaikan haji.

"Saya melihat usaha ini

harus disegegerakan kerana mereka yang ingin mengajukan umrah kini semakin bertambah sehingga mencapai hampir 200,000 permohonan.

"Selain itu, saya melihat persiapan rapi perlu dilakukan supaya umat Islam tidak menjadi mangsa mereka yang menjadikan pakej umrah ini bagi mengaut keuntungan semata-mata," kata-nya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Bengkel Perungkai Permasalahan Umrah bertemakan 'Road To Baitulla' di Bilik Mesyuarat Pusat Islam UUM, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Pengarah TH Kedah Mohammad Said Ismail

Bengkel disertai TH, pengusaha pakej umrah, pendakwah dan alumni Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara

(IKBN) itu membincangkan beberapa isu berkaitan dengan pakej umrah yang ditawarkan Malaysia.


Antara perbincangan termasuk proses tempahan tiket, penjenisan agensi perniagaan, makanan, minuman, penginapan, mutawif, guru agama, pengurusan kematian, visa, persiapan diri, kursus umrah, jaringan kerjasama dan persoalan bagaimana jemaah boleh terkandas.

Sementara itu, pendakwah Ahmad Husam Sheikh Muhamad Badarudin yang turut bersetuju dan berharap penubuhan Lembaga Umrah seperti TH dapat disegegerakan bagi membantu umat Islam di negara ini.

Katanya, penubuhan badan berkenaan bersesuaian dan perlu disegegerakan kerana syarikat umrah yang ada sekarang tumbuh bagi cendawan, tetapi ada pihak tertentu mengambil keselamatan dengan menawarkan harga rendah sehingga memperdayakan jemaah.

**FAKTA**  
Permohonan tunai umrah kini mencapai 200,000

Headline	Segera tubuh Lembaga Umrah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	54	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	279 cm <sup>2</sup>
Journalist	Shamsuddin Oli Mohamed	AdValue	RM 10,778
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,334



**DR Ismail (kanan) bersama peserta bengkel, semalam.**